

# BAB I

# BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sejak dahulu lagi KEMAS telah memainkan peranan yang begitu besar terhadap masyarakat di Malaysia khususnya masyarakat di luar bandar untuk menaikkan taraf hidup orang-orang Melayu.

Banyak program yang dijalankan oleh KEMAS seperti Pendidikan Kemahiran, Pendidikan Literasi Fungsian, Pendidikan Islam, Perpustakaan Masyarakat, Gerakan Desa Wawasan, Pendidikan Kesejahteraan Keluarga dan Taman Bimbingan Kanak-Kanak. Menerusi program seperti ini pihak KEMAS telah mendekati masyarakat dengan memberikan pengetahuan serta kemahiran dan juga peluang kepada masyarakat terbabit mengembangkan potensi diri dan meningkatkan lagi taraf hidup mereka yang dibelenggu oleh kemiskinan.

Apabila diteliti tentang peranan yang telah dimainkan oleh KEMAS ini, penulis ingin membuat kajian dengan lebih terperinci tentang institusi ini. Justeru penulis memfokuskan kepada peranan yang lebih khusus dimainkan oleh KEMAS iaitu di dalam program pendidikan Islam.

Tumpuan yang lebih difokuskan pada bahagian pendidikan Islam adalah untuk mengetahui peranan sebenar KEMAS di dalam meningkatkan ilmu pengetahuan keagamaan kepada masyarakat luar bandar dari peringkat kanak-kanak hinggalah orang dewasa. Peranan KEMAS begitu penting sebagai agensi yang berperanan memperluaskan ilmu agama secara non formal kepada masyarakat setempat. Ini bertujuan supaya masyarakat mendapat ilmu yang secukupnya bukan sahaja secara formal di sekolah malah di luar waktu persekolahan bagi kanak-kanak. Program keagamaan yang dilaksanakan oleh KEMAS tidak terhad kepada kanak-kanak malah orang dewasa terutamanya di dalam hal fardu ain dan fardu kifayah, pengurusan jenazah, tarannum, nasyid dan sebagainya.

## 1.2 LATAR BELAKANG MASALAH

Negeri Kelantan terletak di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Ianya berhadapan dengan Laut China Selatan di sebelah utara bersempadan dengan negara Thailand dan negeri Perak di sebelah barat. Di sebelah timur Kelantan pula adalah negeri Terengganu dan negeri Pahang di sebelah selatannya.

Negeri Kelantan mempunyai keluasan seluas 14 922 kilometer persegi ( 1.5 juta hektar )<sup>1</sup> yang meliputi 4.4 peratus daripada keluasan Malaysia. Ia juga terbahagi kepada 10 buah jajahan iaitu Kota Bharu, Bachok, Tumpat, Pasir Puteh, Pasir Mas,

---

<sup>1</sup> Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (2000), *Pelan Strategik Pembangunan Negeri Kelantan*, Selangor: Universiti Putra Malaysia. h. A-1.

Machang, Tanah Merah, Kuala Krai, Jeli dan Gua Musang<sup>2</sup>. Jumlah penduduk negeri Kelantan pada tahun 1997 dianggarkan berjumlah 1 447 000 orang iaitu 6.55 peratus daripada keseluruhan jumlah penduduk negara. Majoriti penduduk adalah berbangsa Melayu sebanyak 94.1 peratus, Cina 4.6 peratus dan India 0.5 peratus<sup>3</sup>. Jumlah penduduk di kawasan Kota Bharu lebih kurang 350 000 orang.

Apabila dilihat kepada jumlah penduduk negeri Kelantan yang berjumlah 94.1 peratus yang majoritinya berbangsa Melayu menunjukkan bahawa negeri Kelantan mempunyai jumlah penduduk bangsa Melayu yang ramai dan Islam merupakan pegangan agama yang utama. Pendidikan Islam merupakan asas terpenting dalam diri setiap muslim. Kita memerlukan ilmu pengetahuan untuk menjalani kehidupan seharian dan mentadbir alam ini. Semua itu perlu dicapai menerusi pendidikan dan pembelajaran. Pembentukan insan yang berperibadi mulia perlu diterapkan kepada umat Islam sejak kecil lagi. Justeru sistem pendidikan Islam yang mantap amat perlu untuk memberi bimbingan dan pembelajaran terhadap umat Islam di negeri ini.

Apabila dilihat betapa pentingnya pendidikan Islam terhadap individu muslim, maka penulis mengambil inisiatif untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang pendidikan Islam yang diterapkan kepada masyarakat awam bukan menerusi pembelajaran secara formal di sekolah atau menerusi sistem pendidikan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan. Ini kerana terdapat badan lain yang memberi pembelajaran di peringkat awal di dalam pendidikan Islam seperti di

---

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> *Ibid.*

prasekolah dan wujudnya kelas-kelas pembelajaran al-Qur'ān kepada golongan dewasa.

Oleh itu penulis mengambil peranan badan kerajaan yang lain seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang telah menjalankan tugas mengembangkan Islam dan memberi pengajaran kepada masyarakat Islam di Malaysia.

Di samping itu juga penulis memfokuskan tempat kajian di Kota Bharu Kelantan untuk mengetahui peranan sebenar yang dimainkan oleh KEMAS di negeri yang terkenal dengan panggilan "Serambi Mekah " ini.

Menerusi kajian ini juga penulis ingin mendalami program-program yang dijalankan oleh KEMAS di dalam pendidikan Islam kerana KEMAS telah melantik pegawai dan Pemaju Masyarakat untuk menjalankan tugas tersebut. Di sini dapat dilihat tugas mengembangkan pendidikan Islam bukan sahaja terletak di bahu ustaz dan ustazah di sekolah malah setiap muslim perlu memainkan peranan mengembangkan Islam kepada masyarakat.

### **1.3 PENGERTIAN TAJUK:**

Penulis telah memilih tajuk di dalam kajian disertasi ini iaitu: PERANAN KEMAS DALAM PENDIDIKAN ISLAM: SUATU KAJIAN DI KOTA BHARU, KELANTAN. Terlebih dahulu penulis memberikan definisi secara lebih terperinci

tentang maksud tajuk berkenaan menurut Kamus Dewan. Peranan bermaksud bahagian (pekerjaan , tugas) yang dipegang<sup>4</sup>. KEMAS pula singkatan bagi Jabatan Kemajuan Masyarakat. Maksud jabatan iaitu bahagian daripada pentadbiran kerajaan dan lain-lain yang menguruskan tugas-tugas tertentu<sup>5</sup>. Kemajuan pula bermaksud perihal maju (taraf hidup dan lain-lain)<sup>6</sup>. Seterusnya masyarakat pula sekumpulan manusia yang hidup bersama (dalam sesuatu tempat dengan aturan – aturan dan cara tertentu)<sup>7</sup>. Manakala pendidikan pula ialah :

- i. perihal mendidik (melatih)
- ii. didikan, latihan, ajaran<sup>8</sup>

Islam pula bermaksud, agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad S.A.W.<sup>9</sup>. Menurut Drs. Z.A. Syis bahawa maksud pendidikan Islam adalah 'pendidikan bercorak Islam atau pendidikan sebagaimana diajarkan atau dikehendaki oleh agama Islam'<sup>10</sup>. Manakala menurut Ibnu Jama'ah yang juga merupakan seorang pakar pendidikan Islam telah memberikan definisi pendidikan Islam sebagai 'suatu sistem yang bertanggungjawab memberikan ilmu pengetahuan yang membolehkan seseorang itu membentuk keperibadian yang baik dan

---

<sup>4</sup> Kamus Dewan Edisi Baru (1992), Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 941.

<sup>5</sup> *Ibid.*, h. 465.

<sup>6</sup> *Ibid.*, h. 787.

<sup>7</sup> *Ibid.*, h. 806.

<sup>8</sup> *Ibid.*, h. 282.

<sup>9</sup> *Ibid.*, h. 462.

<sup>10</sup> Abdul Halim Hj. Mat Diah (1989), *Islam Dan Demokrasi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, h. 4.

membersihkan hati serta jiwa daripada segala kemungkaran yang berdasarkan kepada bimbingan wahyu'<sup>11</sup>. Seterusnya suatu pula ialah:

- i. hanya satu ;
- ii. tiap-tiap satu
- iii. pertama-tama, yang pertama<sup>12</sup>

Maksud kajian pula ialah, kegiatan (usaha, proses) mengkaji<sup>13</sup> dan Kota Bharu pula ialah ibu negeri bagi negeri Kelantan Darulnaim yang merupakan salah sebuah negeri di Malaysia. Daripada pengertian tersebut dapat disimpulkan bahawa tajuk yang dipilih oleh penulis ialah peranan atau tugas yang dimainkan oleh KEMAS melalui program yang dijalankan di dalam pendidikan Islam dan tumpuan kajian difokuskan di kawasan Kota Bharu Kelantan.

#### 1.4 PERUMUSAN MASALAH

Menerusi kajian ini penulis dapat mengkaji dengan lebih terperinci tentang tugas dan peranan yang dimainkan oleh KEMAS di dalam program berbentuk kemasyarakatan amnya dan pendidikan Islam khususnya.

KEMAS ditugaskan menjalankan pelbagai aktiviti untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat terutamanya di dalam aspek ekonomi. Namun begitu pendidikan

---

<sup>11</sup> Mustafa Hj. Daud (1996), *Tamadun Islam*, Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. h. 271.

<sup>12</sup> Kamus Dewan., *op.cit.* h. 1229.

<sup>13</sup> *Ibid.*, h. 51.

Islam tidak diabaikan malah diberi perhatian terutamanya di dalam mengembangkan pengajian Islam di negara ini.

Justeru masalah yang bakal dihadapi oleh penulis adalah untuk mendapatkan bahan yang berkaitan dengan kajian. Penulis perlu mendapatkan bahan yang berautoriti dari jabatan terbabit dan mencari pelbagai lagi maklumat tambahan lain untuk mengumpul bahan dan data yang berkaitan. Bahan ini amat penting untuk menghasilkan disertasi yang benar-benar memberi manfaat kepada penulis dan pengkaji lain yang mengkaji bidang yang sama.

Seterusnya analisis perlu dilakukan agar bahan yang diperolehi menepati kehendak kajian dan skop tertentu yang perlu dimuatkan di dalam disertasi ini. Analisis ini perlu diteliti agar ia menepati tajuk dan ruang lingkup kajian ini.

## **1.5 TUJUAN PENYELIDIKAN**

Penulis membuat kajian ini adalah untuk :

- 1.5.1 Mengkaji dengan lebih mendalam mengenai peranan yang dimainkan oleh KEMAS terutamanya di dalam pendidikan Islam.
- 1.5.2 Mengetahui dengan lebih terperinci pengisian yang dibuat oleh KEMAS di dalam aktiviti yang dilakukan di dalam meningkatkan tahap pendidikan agama di kalangan masyarakat.
- 1.5.3 Kajian turut meneliti tahap keberkesanan program yang dilakukan sama ada membawa peningkatan di dalam pendidikan Islam atau sebaliknya.



- 1.5.4 Penulis turut mengkaji kesan yang diterima oleh para pelajar dari peringkat awal iaitu di prasekolah sehingga tahap yang lebih tinggi iaitu di kalangan orang dewasa.
- 1.5.5 Penulis ingin mengkaji dengan lebih terperinci tentang tanggapan masyarakat terhadap badan ini yang dikaitkan dengan sentimen politik, adakah benar atau sebaliknya.
- 1.5.6 Kajian ini dibuat untuk mengetahui sambutan yang diberikan kepada masyarakat setempat terhadap program yang telah dilaksanakan.
- 1.5.7 Memenuhi keperluan pengajian Ijazah Sarjana Usuluddin agar menyiapkan sebuah disertasi.

## **1.6 KEPENTINGAN PENYELIDIKAN**

1. Menjelaskan tentang terdapat badan kerajaan iaitu Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) yang berperanan memperluaskan lagi pendidikan Islam kepada masyarakat.
2. Penyelidikan ini penting untuk menunjukkan bahawa pendidikan Islam di kalangan orang dewasa tidak terabai dan terdapat pelbagai program untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan di kalangan mereka.
3. Pendidikan Islam yang dianjurkan oleh pihak KEMAS ini menunjukkan bahawa pendidikan tidak tertumpu secara formal sahaja, malahan pendidikan secara non-formal penting untuk mengembangkan pendidikan Islam dari peringkat kanak-kanak hingga orang dewasa.

4. Program yang dilaksanakan di bawah kelolaan Bina Insan ini telah menarik perhatian masyarakat untuk menyertainya dan terdapat pertandingan bagi para peserta yang terlibat.

5. Program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan ini perlu dipelbagaikan lagi dan menjadikan program ini bermanfaat khususnya dalam mempertingkatkan amal ibadah seseorang muslim.

6. Menerusi kajian ini menunjukkan bahawa ilmu itu sangat berguna kepada setiap muslim dan kita perlu menyertai pelbagai program untuk memantapkan lagi ilmu pendidikan Islam dalam diri kita.

7. Kajian ini penting dan berfaedah untuk rujukan pihak pentadbiran terutamanya Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), golongan penyelidik, ahli akademik dan golongan pelajar yang ingin mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan peranan KEMAS dalam pendidikan Islam menerusi program dan aktiviti yang dijalankan.

## 1.7 SKOP KAJIAN

Penulis menumpukan skop kajian ini kepada peranan yang telah dimainkan oleh KEMAS amnya dan tumpuan lebih dikhususkan di dalam pendidikan Islam. KEMAS sebenarnya telah melaksanakan pelbagai program yang berguna untuk meningkatkan taraf hidup di kalangan masyarakat dan skop yang lebih khusus akan diambil oleh penulis iaitu membincangkan program yang dilakukan oleh KEMAS menerusi Bahagian Bina Insan yang dulunya lebih dikenali sebagai pendidikan Islam.

Fokus kepada pendidikan Islam adalah untuk mendalami dan meninjau sejauhmana peranan yang telah dimainkan oleh KEMAS di dalam meningkatkan penguasaan ilmu di dalam pendidikan Islam terutamanya menerusi program yang dilaksanakan terhadap masyarakat.

Program pendidikan Islam yang dijalankan oleh KEMAS begitu penting untuk menambah ilmu pengetahuan dari aspek keagamaan kepada masyarakat di peringkat prasekolah sehinggalah golongan dewasa. Di sini penulis akan memfokuskan tentang cara pembelajaran, guru yang mengajar, tahap penguasaan pelajar dan keberkesanan program yang telah dijalankan.

Skop pendidikan Islam merangkumi perkara-perkara berikut:

- i. Fardu ain dan fardu kifayah
- ii. Penerapan nilai agama dalam amalan seharian
- iii. Pembelajaran al-Qur'ān, muqaddam dan tulisan jawi
- iv. Pendidikan keluarga, kesihatan dan ekonomi berlandaskan Islam.

Kajian ini juga akan memuatkan tentang keberkesanan program yang dibuat agar menjadi panduan untuk memperbaiki tahap pencapaian masyarakat di dalam pendidikan Islam. Ia amat penting untuk memperbaiki segala kelemahan dan dapat mencapai matlamat yang dikehendaki oleh jabatan ini.

Penulis turut memfokuskan bidang kajian ini di negeri Kelantan dan mengambil kawasan Kota Bharu sebagai tempat kajian. Tempat kajian amat penting

kerana sesetengah program KEMAS ada dibuat di sesetengah negeri dan tidak semestinya dilaksanakan di peringkat pusat. Ia bergantung kepada kehendak, keperluan dan keupayaan; sesesuatu program itu. Oleh itu fokus kepada negeri Kelantan ini adalah untuk mengetahui apakah pelaksanaan program yang telah dimainkan oleh KEMAS di negeri Kelantan amnya dan Kota Bharu khususnya.

## 1.8 ULASAN PENULISAN

Berdasarkan penelitian penulis, tidak banyak penulisan yang telah dibuat berkaitan dengan peranan Jabatan Kemajuan Masyarakat ( KEMAS ). Penulisan dalam bentuk buku hanya sedikit mengulas berkenaan KEMAS seperti buku yang bertajuk Dasar Sosial Di Malaysia yang ditulis oleh Wan Azmi Ramli pada tahun 1993.

Penulis buku tersebut memberi tumpuan kepada sejarah awal penubuhan KEMAS dan program-program yang telah dilaksanakan. Program yang dijelaskan oleh penulis ini telah mengalami banyak perubahan pada masa ini sesuai dengan kehendak semasa. Justeru penulisan ini telah memberi maklumat tentang program awal yang telah dilaksanakan oleh KEMAS dalam tahun 1980-an dan projek-projek yang dibiayai oleh kerajaan.

Penulisan lain yang berkaitan dengan tajuk ini ditulis dalam bentuk Latihan Ilmiah bertajuk, KEMAS : Sumbangannya Dalam Pendidikan Islam: Suatu Kajian Di Mukim Semantan, Daerah Temerloh Pahang. Penulis Latihan Ilmiah ini adalah

Karimah Abu Bakar yang menuntut dalam bidang Usuluddin di Akademi Pengajian Islam sesi 1998/1999. Kajian ini mengandungi lima bab yang difokuskan kepada tempat kajian di Mukim Semantan iaitu di daerah Temerloh Pahang. Penulis telah menghuraikan tentang pendidikan Islam, Metodologi Penyelidikan, analisis data dan cadangan serta saranan di bab akhir.

Penulisan disertasi ini banyak berpandukan kepada bahan yang dibekalkan oleh KEMAS Kelantan serta wawancara dengan pegawai Bina Insan, para Pemaju Masyarakat dan pemerhatian penulis terhadap program yang dilaksanakan. Tidak banyak bahan yang dicetak dan ditulis dalam bentuk buku berkenaan KEMAS. Perbezaan yang nyata berkenaan penulisan disertasi ini dengan kajian sebelum ini adalah pengkhususan kajian ini adalah di Kota Bharu Kelantan berbanding Latihan Ilmiah sebelum ini yang memfokuskan kepada kawasan Temerloh, Pahang. Kajian ini juga menumpukan kepada setiap program yang dianjurkan oleh pihak Bina Insan seperti kelas Tarbiah al-Qur'an, Fardu Ain dan Fardu Kifayah, Tarannum al-Qur'an, Pengurusan Jenazah dan Tahlil, Khatam al-Qur'an, Marhaban dan Rawi, Nasyid dan Qasidah dan program pendidikan Islam di TABIKA.

## 1.9 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Metodologi terdiri daripada dua perkataan Yunani iaitu "Metodos " dan "Logos". Metodos bermaksud cara, kaedah atau jalan<sup>14</sup>, manakala logos pula bermaksud ilmu. Maka metodologi bermaksud ilmu tentang cara dan ia juga boleh

<sup>14</sup> Koentjaraningrat (1991), *Metode-Methode Penelitian Masyarakat*, Jakarta : P.T Gramedia, h. 7.

didefinisikan sebagai satu ilmu mengenai kaedah-kaedah untuk mengadakan penelitian<sup>15</sup>. Maka metodologi penyelidikan bermaksud proses penyelidikan yang digunakan untuk mentafsir data dan membuat kesimpulan.

Di dalam menjalankan kajian dan penyelidikan ini, penulis telah menggunakan tiga metode yang utama untuk memproses pengumpulan data dan menganalisis fakta kajian. Metode – metode utama tersebut adalah seperti berikut:

- i. Metode Penentuan Subjek
- ii. Metode Pengumpulan Data
- iii. Metode Analisis Data

### **1.9.1 Metode Penentuan Subjek**

Metode penentuan subjek ialah metode yang digunakan untuk menentukan subjek yang menjadi sampling kepada kajian. Maka kajian yang menjadi bahan penyelidikan penulis ini adalah berkaitan dengan KEMAS negeri Kelantan. Maka di dalam kajian ini, penulis akan mengkaji tentang KEMAS negeri berserta peranan yang dilakukan oleh KEMAS di dalam pendidikan Islam yang merupakan salah satu unit di bawah KEMAS.

---

<sup>15</sup> Imam Barnadib (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*, Yogyakarta :Yayasan Penerbitan FIP- IKIP, h. 51.

Metode pengumpulan data pula digunakan untuk mencari data yang diperlukan bagi penulisan sesuatu kajian. Metode analisis data ialah menganalisis dan mengolah data-data yang terkumpul melalui metode pengumpulan data.

### **1.9.2 Metode Pengumpulan Data**

Metode pengumpulan data merupakan usaha-usaha yang dilakukan dengan cara mengumpulkan data dan seterusnya mentafsir data-data tersebut. Bagi tujuan ini, penulis menggunakan beberapa metode untuk mendapatkan data-data yang diperlukan dari beberapa sumber sama ada dari sumber primer atau sekunder. Sumber-sumber primer ini seperti buku atau makalah yang telah dihasilkan oleh pihak KEMAS dan juga yang telah diterbitkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar sebagai bahan bertulis yang berkaitan dengan kajian.

Di samping itu juga terdapat jadual atau carta yang dihasilkan oleh KEMAS sebagai bahan simpanan bagi jabatan terbabit. Ia turut menjadi bahan tambahan kepada penulis di dalam kajian ini. Malah bahan yang amat penting bagi penulis adalah bahan yang dihasilkan oleh pihak KEMAS sendiri kerana sebelum ini tidak ada kajian secara terperinci dibuat tentang KEMAS di Kelantan, malah buku yang ditulis mengenai KEMAS pun amat sedikit di pasaran.

Manakala sumber kedua pula adalah buku atau hasil yang telah diterbitkan oleh penulis lain berkaitan dengan KEMAS dan kajian ini. Data-data ini akan

dikumpulkan dan disusun dengan sistematik agar kajian akan mendatangkan hasil yang berkualiti dan tepat.

Sewaktu mengumpulkan sumber-sumber data dalam penyelidikan disertasi ini penulis menggunakan dua jenis penyelidikan iaitu :

- i. Penyelidikan Perpustakaan (Library Research)
- ii. Penyelidikan Lapangan ( Field Research)

#### **1.9.2(a) Penyelidikan Perpustakaan**

Penyelidikan perpustakaan ini penulis lakukan dengan mengumpul maklumat dan data tentang kajian dengan mengunjungi perpustakaan dan mendapatkan maklumat di sana berupa buku, majalah, risalah, disertasi dan sebagainya sebagai bahan permulaan untuk penulis mengkaji dengan lebih lanjut tentang penyelidikan ini.

Penulis akan membuat rujukan ini untuk menambah bahan terbabit terutamanya bahan yang tulis oleh orang yang berautoriti di dalam bidang berkenaan.

Di antara perpustakaan yang digunakan di dalam penyelidikan ini seperti berikut:

- i) Perpustakaan Umum Universiti Malaya
- ii) Perpustakaan Peringatan Zaaba
- iii) Perpustakaan al-Malik Faizal, Nilam Puri Universiti Malaya
- iv) Perpustakaan Negeri Kelantan
- v) Perpustakaan Awam , Pusat Islam.



vi) Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur

Di dalam penyelidikan perpustakaan ini penulis akan menggunakan beberapa metode pengumpulan data seperti:

i. Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi pula bererti menggunakan dokumen – dokumen yang berkaitan dengan masalah yang dikaji atau diselidiki<sup>16</sup>. Dokumen pula bermaksud benda bertulis yang memberikan pelbagai keterangan yang terdiri daripada pelbagai bentuk penulisan.

Oleh itu di dalam menyiapkan disertasi ini, penulis akan mengumpulkan data-data dan bahan-bahan kajian dalam bentuk dokumen sama ada buku, majalah, jurnal, ensiklopedia, risalah, manuskrip, tesis, akhbar dan seumpama dengannya dalam bentuk Bahasa Melayu, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris. Petunjuk utama penyelidikan ini ialah buku-buku yang ditulis oleh orang yang berautoriti atau berkelayakan di dalam bidang yang dikaji. Maka penulis akan mengumpul bahan yang berkaitan terutamanya bahan yang dihasilkan oleh pihak KEMAS sendiri.

Metode ini digunakan dengan meluas di dalam penyelidikan disertasi ini iaitu di dalam semua bab untuk mengumpul data-data yg. berkaitan dengan tajuk kajian ini.

---

<sup>16</sup> Surianiah bt. Pakih (1998/1999), "Pemikiran Politik Islam Dalam Taj al-Salatin dan Bustanu al-Salatin : Satu Perbandingan Konsep" ( Disertasi , Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 20.

ii. Metode Sejarah (Historis)

Metode sejarah atau historis adalah satu penyelidikan yang mengaplikasikan metode huraian yang ilmiah dari perspektif sejarah bagi sesuatu masalah<sup>17</sup>. Ia merupakan satu proses untuk menentukan pendapat yang tepat mengenai sesuatu kejadian. Penggunaan metode ini bertujuan untuk mendapatkan data-data yang mempunyai nilai-nilai sejarah yang ada hubung kait dengan kajian yang akan dibuat oleh penulis.

Penulis akan berhati-hati di dalam menganalisa sejarah yang berkaitan agar ia benar-benar berasaskan sumber yang tepat. Ini kerana banyak fakta sejarah yang diragui kebenarannya dan perkara ini timbul kerana wujudnya perbezaan catatan terhadap sesuatu peristiwa. Justeru, metode ini lebih jelas penggunaannya dalam kajian ini untuk mengetahui perkembangan awal KEMAS dari segi penubuhan dan aktiviti yang dilakukan pada peringkat awal.

**1.9.2. (b) Penyelidikan Lapangan**

Penyelidikan lapangan pula ialah penyelidikan yang dilakukan secara langsung terhadap objek yang dipilih untuk diteliti. Bagi tujuan ini penulis mengunjungi pejabat KEMAS dan bertemu dengan pegawai yang terbabit untuk mendapatkan bahan berkaitan KEMAS. Penulis juga mengunjungi tempat-tempat yang berkaitan dengan projek KEMAS seperti Gerakan Desa Wawasan, Pendidikan

---

<sup>17</sup> *Ibid.*

Kesejahteraan Keluarga, Pendidikan Kemahiran di tempat-tempat tertentu untuk mendapatkan maklumat awal.

4

Di samping itu juga penulis mengunjungi kelas pengajian al-Qur'an yang telah dilakukan untuk golongan dewasa dan juga kanak-kanak yang diadakan di masjid atau tempat yang telah dikhaskan untuk pembelajaran.

Di dalam penyelidikan lapangan ini penulis akan menggunakan beberapa metode seperti:

i. Metode Pemerhatian

Metode pemerhatian bermaksud memerhati atau mengamati secara terancang dan sistematik terhadap sesuatu objek yang ditentukan pada subjek penyelidikan. Menerusi metode ini penulis akan mendapatkan data menerusi pemerhatian yang dilakukan terutamanya di tempat sesuatu aktiviti dilakukan.

Pemerhatian juga perlu dilakukan secara berulang-ulang untuk mendapatkan keputusan yang tepat. Di samping itu penulis juga akan mengambil gambar sebagai bahan bukti terhadap kajian terbabit. Penulis juga akan mengunjungi dan membuat pemerhatian di tempat kajian seperti di kelas-kelas yang dianjurkan oleh KEMAS untuk melihat pelaksanaan program yang dijalankan. Metode ini amat penting untuk melihat dari dekat sesuatu program yang dilaksanakan samada berjalan dengan lancar atau sebaliknya.

Metode pemerhatian amat berguna untuk menghasilkan kajian kerana sesuatu kajian tidak tertumpu kepada sumber bertulis yang dihasilkan oleh agensi terbabit malah perlu dilihat dan diperhatikan secara dekat.

ii. Metode Wawancara

Metode ini adalah untuk mendapatkan maklumat dengan cara mengumpulkan keterangan melalui percakapan lisan atau bersemuka dengan informan dan juga responden. Metode wawancara ini melengkapkan lagi metode pemerhatian untuk mendapatkan bahan dengan menemu bual informan dan responden yang berkaitan dengan kajian. Metode ini akan digunakan oleh penulis dengan menemu bual Pengarah KEMAS, Penyelia Kanan, pegawai yang terbabit dan juga sasaran program pendidikan Islam terutamanya masyarakat serta para pelajar yang mengikuti program ini.

iii. Metode Soal Selidik ( Questionnaire<sup>18</sup>)

Metode ini merupakan cara pengumpulan maklumat menggunakan suatu daftar pertanyaan untuk memperoleh data berupa jawapan daripada para responden<sup>18</sup>. Soalan soal selidik ini diedarkan kepada para peserta program Bina Insan dan juga ibu bapa kanak-kanak di TABIKA untuk mendapatkan pandangan mereka berhubung dengan KEMAS.

---

<sup>18</sup> Koentjaraningrat, *op.cit.*h.17.

### 1.9.3 Metode Analisis Data

Setelah semua data yang diperlukan telah dikumpul melalui metode-metode di atas, penulis akan menjalankan analisis terhadap data tersebut melalui beberapa metode. Pada peringkat ini, penulis akan melihat beberapa perkara yang berhubung antara data dan fakta yang berlaku. Seterusnya penulis akan membuat beberapa kesimpulan terhadap data-data tersebut.

Di peringkat ini metode –metode yang akan digunakan ialah:

#### 1.9.3 (a) Metode Induktif

Metode ini bermaksud satu cara menganalisis data melalui kaedah berfikir untuk mencari bukti dan keterangan dari hal-hal yang bersifat khusus untuk mencapai bukti-bukti yang bersifat umum<sup>19</sup>. Di dalam kajian ini penulis akan memaparkan data-data yang bersifat khusus dan menerusi data-data itu akan dibuat kesimpulan secara umum.

Metode ini dapat digunakan ketika membuat kesimpulan tentang keberkesanan program yang dijalankan sama ada mendapat sambutan atau pun tidak menerusi kehadiran para peserta dalam program yang telah dianjurkan oleh KEMAS. Ini akan dinilai oleh penulis di dalam kajian ini menerusi sambutan yang diberikan oleh masyarakat setempat.

---

<sup>19</sup> Imam Barnadib, *op.cit*, h. 52.

### 1.9.2 (b) Metode Deduktif

Ia merupakan satu cara menganalisis data dan melakukan penulisan berdasarkan kepada pola berfikir bagi mencari pembuktian dengan menggunakan bukti-bukti yang khusus<sup>20</sup>.

Penggunaan metode ini dapat dilihat pada bahagian penentuan subjek sampling dan hasil pemerhatian dan temubual yang dibuat menerusi responden dan juga informen.

### 1.9.2 (c) Metode Komparatif

Selain itu juga penulis turut menggunakan metode komparatif. Ia merupakan cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan di antara data-data yang diperolehi semasa penelitian dilakukan<sup>21</sup>. Segala data-data, fakta, dan pendapat yang diperolehi akan dikumpulkan dan ia akan dibuat perbandingan. Hasil perbandingan ini penulis akan membuat kesimpulan berdasarkan dalil-dalil yang diperolehi di dalam penyelidikan ini.

Penulis dapat membuat perbandingan di antara data yang dikumpul itu yang lebih tepat, relevan dan berautoriti. Oleh itu data yang betul-betul tepat sahaja dijadikan sumber kajian.

---

<sup>20</sup> *Ibid.*

<sup>21</sup> Abdul Halim b. Hj. Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodologi*, Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 136.

Menerusi metode-metode yang telah digunakan untuk disertasi ini, penulisan dan penganalisaan akan menjadi lebih mudah dan teratur kerana metode-metode ini bersesuaian dengan penyelidikan penulis ini. Metode-metode inilah yang akan digunakan oleh penulis dalam menyiapkan disertasi ini agar hasil kajian ini memberi manfaat kepada penulis dan juga pengkaji yang lain.

## **1.10 SISTEMATIKA PENULISAN**

Penulis akan membahagikan kajian ini kepada lima bab yang utama. Setiap bab akan didahului dengan pendahuluan sebagai gambaran awal terhadap pengkajian di dalam bab tersebut. Dalam setiap bab itu terdapat tajuk-tajuk kecil yang menjelaskan secara terperinci kajian yang dibuat dalam satu-satu bab terbabit.

Berikut adalah secara ringkas susunan bab dalam kajian ini:

1.10.1 Bab 1 – merupakan introduksi atau pendahuluan dan pengamatan bagi kajian yang dilakukan. Di dalam bab ini merangkumi pengenalan, latar belakang masalah, pengertian tajuk, perumusan masalah, tujuan penyelidikan, kepentingan kajian dan skop kajian. Di samping itu juga penulis telah memuatkan metodologi penyelidikan yang telah dilakukan di dalam mendapatkan bahan di dalam kajian ini. Akhir sekali penulis menampilkan sistematika penulisan sebagai gambaran awal terhadap kajian ini.

1.10.2 Bab 2 - Penulis telah menjelaskan tentang latar belakang Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di peringkat pusat, KEMAS pada peringkat awal

penubuhannya, KEMAS peringkat negeri Kelantan dan aktiviti yang telah dilaksanakan oleh KEMAS di bawah setiap bahagian. Di dalam bab ini penulis lebih memfokuskan tentang KEMAS keseluruhannya sebelum memfokuskan kepada bidang yang lebih kecil iaitu pendidikan Islam.

1.10.3 Bab 3 - Di dalam bab ini penulis telah menyentuh tentang peranan KEMAS dalam pendidikan Islam. Tumpuan diberikan kepada pendidikan Islam iaitu di peringkat awal perkembangannya di negara ini khususnya di Kelantan. Seterusnya penulis menjelaskan tentang perkembangan awal Pendidikan Agama Islam (PAI) yang telah ditukar kepada Bina Insan. Pertukaran ini mengikut perkembangan semasa yang memerlukan unit ini bergiat aktif di dalam pendidikan Islam. Seterusnya penulis telah menjelaskan tentang program yang dilaksanakan di bawah unit ini dan golongan yang terlibat di dalam satu-satu program yang dilaksanakan.

1.10.4 Bab 4 - Penulisan di dalam bab ini lebih difokuskan kepada keberkesanan program pendidikan Islam yang telah dijalankan. Penulis telah membuat analisis data menerusi borang soal selidik yang telah diedarkan kepada para responden. Keberkesanan program boleh dilihat di peringkat Taman Bimbingan Kanak-Kanak iaitu tahap pencapaian kanak-kanak setelah mengikuti kelas terbabit. Manakala di peringkat orang dewasa pula akan dinilai kesan dan penerimaan mereka terhadap program terbabit adakah memberi input yang berguna atau sebaliknya.



1.10.5 Bab 5 - Bab ini merupakan bahagian penutup kepada kajian ini. Penulis telah membuat kesimpulan, cadangan dan saranan terhadap kajian yang telah dilakukan. Cadangan dan saranan ini amat penting untuk mengetahui sebarang kelemahan yang ada agar diperbaiki untuk meningkatkan lagi program yang dianjurkan oleh KEMAS ini.

Seterusnya disertakan senarai bibliografi yang digunakan sepanjang kajian ini. Penulis turut menyertakan senarai lampiran di bahagian terakhir kajian ini sebagai rujukan.